

29/01/1998

Tindakan Saufi demi perpaduan parti

GUA MUSANG, Rabu - Ketua Umno bahagian Gua Musang, Mohamad Saufi Deraman, berkata keputusan untuk menyerahkan jawatan yang disandanginya kepada bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah, bertujuan mengembalikan perpaduan serta menjaga keutuhan dalam Umno.

Menurutnya, ia sekali gus membantu memantapkan perjuangan parti sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum, terutama bagi berhadapan dengan cabaran Pas.

Beliau berkata, pengorbanannya untuk menyerahkan jawatan itu dibuat atas dasar kerelaan hati kerana tidak mahu perpecahan dalam Umno berlarutan apabila berlaku perebutan dalam parti.

Mohamad Saufi berharap pemimpin Umno di pelbagai peringkat dalam bahagian itu memahami keputusan berkenaan dan tidak disalah tafsir sehingga menyentuh peribadi seseorang.

"Saya membuat keputusan itu atas kerelaan hati saya sendiri demi perpaduan Umno. Saya juga sudah berbincang dengan Tengku Razaleigh mengenai langkah seterusnya yang diambil untuk memantapkan perjuangan Umno," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Berita Harian selepas majlis berbuka puasa bersama penduduk di surau Kampung Dalam La, dekat sini, malam tadi.

Beliau mengulas mengenai pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung kedudukan jawatan Ketua Umno bahagian Gua Musang yang dipersetujui untuk diserahkan kepada Tengku Razaleigh.

(END)